

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN GARIS PANDUAN PEMATUHAN  
STANDARD FILEM PENGHADANG HABA KENDERAAN**

**PADA**

**19 JUN 2019**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN SERBAGUNA, ARAS G, KPDNHEP**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

## Salutasi

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah, syukur kita panjatkan ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya kita semua dapat berkumpul di majlis yang cukup bermakna pada pagi yang mulia ini.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada penganjur bersama SIRIM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Bagi pihak kami, urus kendali majlis ini dipandu selia oleh Bahagian Standard Kepenggunaan (BSK) KPDNHEP.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya menyambut baik hasrat untuk melancarkan Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan (*Tinted* Kenderaan) agar ianya mematuhi standard dan piawaian yang setanding dengan negara maju.

Langkah ini adalah bertepatan apabila melihatkan kepada jumlah aduan yang diterima oleh KPDNHEP berkaitan filem penghadang haba kenderaan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2019, terdapat **112 aduan** telah direkodkan oleh KPDNHEP melibatkan filem penghadang haba kenderaan. Sebahagian besarnya melibatkan isu kualiti dan prestasi, selain isu harga, penipuan iklan dan sebagainya.

KPDNHEP memandang serius dan memberi keutamaan dalam isu kualiti barangan pengguna, terutamanya berkaitan lambakan barang-barang *substandard* di negara ini bagi mengelakkan pengguna terus ditipu. Justeru, sememangnya wajar KPDNHEP mengeluarkan satu **Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan**.

Garis panduan ini disediakan bertujuan memberi panduan kepada pihak industri berhubung pematuhan terhadap standard filem penghadang haba kenderaan, iaitu *Malaysian Standard MS 2669 : 2017* secara sukarela dalam memasarkan dan menjual produk filem penghadang haba kenderaan. Standard tersebut merangkumi beberapa siri ujian bagi memastikan filem penghadang haba kenderaan yang dijual kepada pengguna adalah produk yang berkualiti.

Garis panduan ini juga mengesyorkan pihak industri, terutama sekali pengimport dan pengedar agar mendapatkan pensijilan dan pengujian terhadap filem penghadang haba kenderaan sebelum dibekalkan ke pasaran Malaysia.

Keputusan penyediaan garis panduan ini dibuat setelah mengambil kira impak positif daripada cadangan ini di mana pengguna dapat membuat pilihan untuk membeli filem penghadang haba kenderaan yang berkualiti dan mempunyai pelabelan logo SIRIM.

Inisiatif ini wajar disambut positif oleh pihak industri kerana pada masa yang sama, pematuhan terhadap standard keselamatan ini juga dapat memberi kelebihan kepada pengeluar dan pengedar untuk memasarkan produk sehingga ke peringkat antarabangsa serta diyakini oleh pengguna.

Syarikat pembuat, pengimport dan pembekal filem penghadang haba kenderaan perlu sentiasa bersaing dalam usaha memasarkan produk yang lebih berkualiti bagi menarik pembeli mendapatkan produk mereka. Maka, kedua-dua pihak mempunyai tarikan antara satu sama lain dan di pihak kerajaan kita menitikberatkan kepentingan pengguna dalam masa yang sama menggalakkan industri berkembang seterusnya menjana kekuatan ekonomi negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bermula 20 Jun 2019, pihak industri adalah diminta untuk mematuhi Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan ini secara sukarela. Ini bermaksud, KPDNHEP mengesyorkan supaya setiap produk filem penghadang haba kenderaan yang akan dijual perlu melalui ujian dan lulus berdasarkan standard MS2669.

Seterusnya produk tersebut perlu mendapatkan pensijilan dan label berserta QR kod sebagai pengesahan daripada SIRIM sebelum dipasarkan. Pihak industri boleh mendapatkan pensijilan dan menggunakan label berserta QR kod sebagai pengesahan di premis-premis perniagaan masing-masing secara sukarela dengan merujuk kepada KPDNHEP dan SIRIM.

Garis panduan ini dilancarkan sebagai panduan dan langkah didikan kepada pihak industri sebelum peraturan mandatori berkenaan filem penghadang haba kenderaan dikeluarkan. KPDNHEP mencadangkan supaya pensijilan dan pelabelan serta QR kod dikuatkuasakan apabila perintah mandatori dikeluarkan melalui punca kuasa perundangan di bawah Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 dalam tempoh setahun.

Walaupun garis panduan belum lagi dimandatorikan, pihak industri masih tertakluk kepada undang-undang sedia ada mengenai penandaan maklumat yang berkaitan pada label filem penghadang haba kenderaan yang sedang berkuatkuasa iaitu Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Perlindungan Pengguna 1999 serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Bagi mana-mana pengeluar, pengimport atau pembekal, sekiranya mereka melekatkan label atau QR kod palsu yang tidak disahkan oleh SIRIM, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan jika sabit kesalahan boleh didenda **RM100,000.00** bagi orang persendirian atau **RM250,000.00** bagi syarikat atau **penjara tidak melebihi tiga tahun** kerana telah melabelkan pernyataan palsu yang boleh memperdayakan pengguna.

Para hadirin sekalian,

Isu keselamatan barangan pengguna juga berkait rapat dengan isu barangan tiruan. Seperti mana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, KPDNHEP sentiasa memberi penekanan yang serius dengan mengambil pelbagai langkah di dalam membendung kemasukan barang tiruan dan barangan *substandard* dalam pasaran.

Barang tiruan dan barangan *substandard* ini bukan hanya membawa kerugian kepada pihak peniaga dan pengguna, malah ia juga boleh mengakibatkan kemalangan dan kehilangan nyawa.

Di bawah bidang kuasa Kementerian, terdapat perundangan yang digunakan bagi mengawal kemasukan barang tiruan dan barangan *substandard* ke dalam pasaran. Pegawai penguatkuasa Kementerian boleh mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan peruntukan perundangan berkaitan harta intelek seperti Akta Cap Dagangan 1976 dan Akta Perihal Dagangan 2011.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya difahamkan, majlis pelancaran hari ini juga melibatkan kerjasama pelbagai agensi dan pertubuhan iaitu:

- i. Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR);
- ii. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS);
- iii. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- iv. Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii);
- v. Pertubuhan Perniagaan Aksesori Otomotif Malaysia (AAA); dan
- vi. Malaysia Window Film Manufacturer (MWFA)

Perlu ditekankan sekali lagi bahawa garis panduan ini wajar dipatuhi kerana ia merupakan langkah didikan kepada pengimport, pengedar dan peniaga selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran pihak industri bagi memasarkan hanya barangan yang berkualiti, standard dan selamat. Pengguna juga harus membeli barangan yang tulen, mematuhi standard dan hanya mempunyai label SIRIM serta QR supaya ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada pengguna dan juga nyawa pengguna lain.

Selain itu, saya melihat dengan adanya garis panduan ini, Kerajaan akan dapat membendung Malaysia daripada menjadi pusat lambakan barangan yang tidak berkualiti dan *substandard* kepada pengguna.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke majlis ini. Semoga semua pihak dapat memanfaatkan majlis pada hari ini untuk kepentingan bersama iaitu ke arah memastikan keselamatan pengguna terpelihara.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan **Majlis Pelancaran Garis Panduan Pematuhan Standard Filem Penghadang Haba Kenderaan pada hari ini.**

Sekian, terima kasih.